

HELAIAN MAKLUMAT IBU BAPA / PENJAGA

Tajuk Kajian

Mengukur Tahap Literasi Muzik Dalam Kalangan Anak-Anak Warga Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu Kajian Rintis.

Pendahuluan:

Anak Tuan/Puan adalah dijemput untuk menyertai kajian. Sebelum anak Tuan/Puan mengambil bahagian dalam kajian ini, adalah penting untuk Tuan/Puan mengambil masa untuk membaca dan memahami Borang Maklumat Subjek ini.

Tujuan Kajian:

Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur tahap literasi muzik. Ia untuk menilai dan menentukan tahap literasi muzik di kalangan anak-anak warga Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Ini termasuk pemahaman mengenai elemen muzik seperti ritma, melodi, dan harmoni, serta kemahiran praktikal dalam mendengar dan bermain alat muzik.

Bagaimanakah kajian ini dijalankan?

Anak Tuan/Puan akan diminta untuk menandatangani surat persetujuan yang menyatakan kesediaan anak Tuan/Puan untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Maklumat seperti data demografi akan dicatat dan direkodkan.

Faedah kajian:

Kajian ini dapat mengenal pasti tahap literasi muzik dalam kalangan anak-anak, sekaligus memberikan maklumat bermanfaat tentang keperluan pendidikan muzik yang relevan. Dengan mengetahui tahap literasi, institusi pendidikan dapat mengambil langkah untuk meningkatkan program muzik mereka, memastikan semua kanak-kanak mendapat asas muzik yang kukuh. Anak Tuan/Puan tidak perlu untuk buat apa-apa bayaran untuk kajian ini.

Risiko Kajian

Tiada sebarang risiko jika menyertai kajian ini. Segala maklumat yang diberi adalah sulit.

Adakah anda perlu menyertai kajian ini?

Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela. Sekiranya anak Tuan/Puan bersetuju untuk mengambil bahagian, anak Tuan/Puan akan diminta untuk menandatangani "Surat Kebenaran". Anak Tuan/Puan akan diberikan salinan surat kebenaran tersebut dan Borang Maklumat Subjek ini. Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela. Anak Tuan/Puan bebas untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang penalti. Penarikan diri tidak akan menjejaskan hak anak Tuan/Puan sebagai peserta atau kedudukan anak Tuan/Puan dalam institusi (jika berkaitan).

Maklumat Sulit:

Maklumat dalam kajian ini akan dibuat dalam bentuk laporan yang akan diterbitkan. Maklumat-maklumat ini hanya boleh diakses oleh para pengkaji dan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Maklumat ini akan dilaporkan dalam bentuk kolektif dan tidak akan merujuk kepada individu tertentu. Dengan ini maklumat anda adalah sulit dan terpelihara.

Bayaran dan pampasan:

Anak Tuan/Puan tidak perlu membayar ataupun dibayar untuk menyertai kajian ini.

Kepada siapakah yang saya boleh bertanya tentang kajian ini?

Sekiranya anak Tuan/Puan mempunyai sebarang persoalan, anak Tuan/Puan boleh merujuk kepada Kumpulan Penyelidik. Anak Tuan/Puan juga boleh menghubungi Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM untuk pengesahan.

Kumpulan Penyelidik:

Nama: [Assoc. Prof. Dr. Jane Doe](#)
Jabatan: [Institut Kajian Etnik \(KITA\)](#)
Nombor Telefon: [03-8921xxxx](#)
Nombor Mobile: [016-123xx67](#)

Main Supervisor as Principal Investigator.

Nama: [Capy Bara](#)
Jabatan: [Institut Kajian Etnik \(KITA\)](#)
Nombor Telefon: -
Nombor Mobile: [019-123xx67](#)

Student's name & particulars.